

Headline	BUAH BELINJAU ENAK HJADKAN KEROPOK, EMPING		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	6	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	209 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,202
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,606



BUAH BELINJAU ENAK DIJADIKAN KEROPOK, EMPING


SEKILAS

Pokok belinjaw adalah tumbuhan yang boleh didapati di Asia Tenggara dan banyak ditanam atau tumbuh secara meliar.

Di Malaysia, pokok belinjaw banyak tumbuh secara meliar terutama di Terengganu. Ia sejenis pokok yang tidak bermusim dan kadang-kadang pada masa dan pokok yang sama terdapat bunga, buah muda dan buah yang masak.

Pokok ini boleh dibiakkan menggunakan biji benih, namun jarang-jarang ditanam dalam jumlah yang banyak.

Dari segi botani, bahagian



yang dipanggil buah itu ialah bijinya. Buah belinjaw berbentuk bujur dan mempunyai tiga lapisan kulit. Bahagian kulit luar buah berwarna hijau ketika

muda dan menjadi merah setelah masak.

Lapisan kedua kulit agak keras dan berwarna kuning pada peringkat muda dan bertukar menjadi coklat

gelap setelah masak. Lapisan ketiga kulit buah belinjaw berwarna putih, nipis dan dalam bahagian ini terdapat biji belinjaw yang boleh dimakan.

Pokok belinjaw ditanam daripada pelbagai varieti yang berbeza dari segi saiz buahnya. Ada yang mengeluarkan buah berukuran antara 2.5 hingga 3.5 sentimeter (sm) panjang dan 2.5 sm lebar manakala bagi buah berukuran kecil 1.5 hingga 2.5 sm panjang dan 1 hingga 1.5 sm lebar.

Buah belinjaw diproses untuk dijadikan keropok atau emping. Daun dan buah belinjaw dijadikan penyedap rasa dalam masakan.

Pucuk mudanya dibuat

sayur masak lemak atau masak air dengan rasanya agak manis. Buah belinjaw yang muda sedap dimasak bersama daging cincang atau dibuat kari.

Buah yang sudah masak direbus dan dimakan seperti kacang tanah rebus. Selain direbus, buah belinjaw boleh dibakar dengan sabut.

Ia kemudian dibuang kulit dan ditumbuk sehingga leper dan boleh terus dimakan seperti kerepek. Kayunya digunakan sebagai bahan membuat papan.

Bahagian yang digunakan dalam perubatan tradisional ialah buah dan daunnya. Sumber - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).